

28 JAN 2003

ACCCIM-KONVENSYEN/I

ACCCIM ANJUR KONVENSYEN USAHAWAN CINA KE-7

PUTRAJAYA, 28 Jan (Bernama) -- Dewan Perdagangan dan Perindustrian Cina Bersekutu Malaysia (ACCCIM) akan menganjurkan Konvensyen Usahawan Cina Dunia Ke-7 (WCEC), mulai 27-30 Julai depan.

Konvensyen WCEC itu dijangka menarik penyertaan lebih daripada 80 negara dan akan membincangkan isu-isu antarabangsa berkaitan perdagangan dan pelaburan.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata kerajaan akan memberi sokongan sepenuhnya kepada konvensyen berkenaan.

Acara itu dijangka dapat mempromosikan industri pelancongan dan menarik pelaburan asing berpotensi ke dalam negara, kata Ling selepas mengadakan pertemuan dengan jawatankuasa penganjur dan presiden ACCCIM, Tan Sri Lim Guan Teik di pejabatnya di sini hari ini.

Konvensyen antarabangsa ini bertujuan menyediakan wadah bagi interaksi di kalangan usahawan China dan menarik pelaburan asing langsung, di samping menjadikan Malaysia hub bagi usahawan Cina menembusi pasaran dunia.

Konvensyen ini dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan turut menyampaikan ucapan.

Acara utama konvensyen itu akan diadakan di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, Petaling Jaya. -- BERNAMA

WNZ KTC AA